

PUNAI DAUN
Little Green Pigeon

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Treron olax*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa mempunyai kombinasi warna kelabu kebiruan di mana bahagian rengkong adalah lebih cerah manakala bahagian atas belakang badan, atas pangkal sayap berwarna merah hati serta terdapat tompokan berwarna perang yang lebar pada atas dada. Bahagian ekor pula berwarna kehitaman di mana terdapat jalur yang berwarna kelabu pudar manakala bahagian hujung paruh berwarna hijau kekuningan. Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 20.0-22.0 sm. Berat 77.0 g.

MAKANAN

Buah-buahan yang bersaiz kecil.

HABITAT

Boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan paya air tawar serta di kawasan hutan sekunder, pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang kuat, tinggi dan sengau. Secara kasar ia mengeluarkan bunyi *wiiiiii-uu-uu-uu uu-iiui iiui iuuuu* berulang selepas berhenti seketika.

TABIAT

Mencari makanan dalam kumpulan yang kecil terdiri dari 8 ekor.

PEMBIAKAN

Membiak pada bulan April hingga Julai di mana sarang dibina berbentuk seperti platform yang berselerak di atas pokok, pada ketinggian sehingga ke 4 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna putih.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.